

29 SEP 2001

Mahathir-Penerbangan/I

KERAJAAN AMBIL LANGKAH BERJAGA-JAGA TERHADAP PERAMPAS

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan masih belum nampak sebarang ancaman termasuk merampas pesawat penerbangan Malaysia, bagaimanapun ia telah mengambil beberapa langkah berjaga-jaga.

"Buat masa ini, kita tidak nampak ancaman terhadap penerbangan Malaysia, tetapi kita mesti berwaspada," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan ke-30 di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata disebabkan itulah syarikat-syarikat penerbangan berkenaan mengambil perlindungan insurans dan langkah lain untuk memelihara kepentingan penumpang.

Beliau menjawab soalan sama ada tahap ancaman terhadap pesawat MAS dirampas membimbangkan.

Beliau berkata langkah yang mungkin dilakukan ialah menempatkan marsyal udara dalam pesawat untuk melindungi keselamatan penumpang daripada ancaman perampas.

"Kita perlu mengkaji sama ada kita boleh menggunakan marsyal udara atau tidak tetapi malangnya mereka yang membina kapal terbang tidak dilihat mengkaji masalah pengganas," katanya.

Perdana Menteri berkata perlu ada kapal terbang yang direkabentuk "kalis pengganas".

Walaupun nampak seperti idea yang tidak munasabah, ia boleh dilakukan, katanya.

"Ada beberapa perkara tertentu yang boleh dilakukan, daripada mereka hanya memikirkan untuk membuat kapal terbang bagi dijual sahaja," katanya.

Beliau berkata pembuat pesawat lebih mengambil berat mengenai bahan-bahan yang kalis api dan lain-lain.

"Kini kita mahukan kapal terbang yang kalis pengganas. Saya ada beberapa idea tetapi saya tidak mahu beritahu," katanya.

Dr Mahathir juga menarik perhatian terdapat tanda-tanda bahawa orang ramai takut menaiki kapal terbang selepas serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept.

"Buat masa ini jumlah penumpang yang menaiki penerbangan Amerika di Amerika merosot kepada 35 peratus dan ini bermakna orang kini takut," katanya.

Perdana Menteri berkata di seluruh dunia, orang ramai boleh turut merasa takut kerana perampasan pesawat bukan sahaja berlaku di Amerika tetapi juga di tempat lain malahan China dan Taiwan.

-- BERNAMA

MK FR MFJ RON